

Dr. Mahathir dianugerah Darjah Tertinggi Sarawak

KUCHING, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengetahui senarai 151 orang penerima anugerah darjah dan bintang kebesaran sempena harijadi ke-59 Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Sallehuddin.

Datuk Seri Dr. Mahathir dianugerahkan darjah tertinggi negeri ini, Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (DP) yang disampingkan gelaran Datuk Patinggi.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Abang Haji Yusuf Puteh, menerima darjah Datuk Amar Bintang Kenyalang (DA), bergelar Datuk Amar.

Lapan orang lain menerima darjah Panglima Negara Bintang Sarawak (PNBS) yang juga membawa gelaran Datuk.

Mereka termasuk Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Encik Leo Moggie, Menteri Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak, Dr. Wong Soon Kai dan Encik Leonard Linggi Jugah, seorang Ahli Parlimen.

Mereka yang lain ialah Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Amin Osman, Pemerintah Pasukan Petugas VI, Mej. Jen Datuk Wan Ismail Mohd. Salleh, bekas Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk J.J. Raj, Datuk Hans Marius Brinkhorst dan Encik Arni bin Haji Lampam, masing-masing pengarah urusan dan pengurus pentadbiran Sarawak Shell Berhad.

Pembantu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak, Abang Haji Ahmad Ural, adalah antara empat orang yang menerima Johan Bintang Sarawak (JBS).

Pegawai

Penerima yang lain termasuk Encik Kenneth Kanyan, salah seorang Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri dan Pemerintah Wilayah Dua Tentera Udara Diraja Malaysia, Brig. Jen. (U) Samsuri Welch bin Abdullah.

Sembilan orang menerima Pegawai Bintang Sarawak (PBS) termasuk seorang ahli perniagaan, Haji Bidari bin Tan Sri Datuk Mohamad, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, Encik Robert Jacob Ridu dan Pegawai Pembangunan Kemajuan Negeri, Encik Zainal Haji Ismail.

Allahyarham Encik Aini Abdul Rahman, bekas Ketua Bahagian Visual Jabatan Penerangan di sini juga dianugerahkan bintang PBS.

Bekas Pengurus MAB bagi Sarawak, Encik Ismail Mahmood dan Pegawai MARA Negeri, Encik Kamaruddin Haji Shamsuddin, adalah antara 12 orang yang menerima Ahli Bintang Sarawak (ABS).

Sejumlah 37 orang menerima Bentara Bintang Sarawak (BBS).

Pengarah Perjawatan Sarawak, Encik Saad Hassan, ialah penerima tunggal Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PFC).

Duapuluh lima orang lagi dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Bakti (PPB) termasuk Timbalan Pengarah Penerangan di sini, Encik Aloysius Dria, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Tanah Sabah, Haji Awang Zain bin Pengiran Haji Salleh dan Pegawai Penjaga Tempat Tahanan dan Pemuliharaan Dadah di sini, Encik C. Dejeit Singh.

Seorang pegawai protokol di Pejabat Ketua Menteri, Encik Abdul Rahman Pet, ialah antara 51 orang yang menerima Pingat Perkhidmatan Terpuji (PPT). — Bernama.